

Lumba-lumba Irrawaddy sukakan habitat air tawar

Mamalia bijak mengesan dan mengelak terkena pukak

Mohd Azrone Sarabatin

azrone@bharian.com.my



04 08/02/2012 8

LUMBA-LUMBA Irrawaddy mendiami kawasan muara sungai dan teluk di Sabah dan Sarawak kerana mudah mendapat makanan dari kawasan hutan bakau berhampiran selain kawasan itu terlindung daripada gelora laut.

Spesies *Orcaella brevirostris* yang ditemui di kedua-dua negeri itu menghuni kawasan air masin, sedangkan spesies yang sama menjadikan kawasan air tawar di sungai di Burma, Kemboja, Laos dan Kalimantan, Indonesia, sebagai habitatnya.

Semua kawasan di Sabah dan Sarawak yang menjadi habitat mamalia ini adalah kawasan air masin atau air payau. Di Sungai Rajang dan Batang Igan di Sarawak, pada musim atau masa tertentu, air masin boleh masuk sehingga ke bandar Sibu.

Lumba-lumba Irrawaddy air tawar biasanya tinggal sangat jauh di hulu Sungai Mekong, Sungai Irrawaddy dan Sungai Mahakam, Kalimantan Timur, Indonesia sehingga melebihi 500 kilometer dari kuala sungai. Lumba-lumba memang tidak pernah keluar ke muara atau laut.

Ada laporan penduduk etnik Iban dan Orang Ulu di Kapit dan Hulu Belaga pernah menemui, menangkap dan makan lumba-lumba yang ditangkap di kawasan Sungai Rajang. Bagaimanapun dua ekspedisi penyelidikan saintifik di kawasan berkenaan tidak menemui mamalia itu.

Kalau ada, ini mungkin populasi lumba-lumba Irrawaddy air tawar yang pertama di Malaysia dan yang keempat di dunia.

Kebiasaannya, lumba-lumba Irrawaddy ini mendiami kawasan kuala sungai dan teluk yang terlindung dari keadaan laut lepas yang bergelora. Habitatnya sangat berkait rapat dengan kawasan hutan bakau dan dasar kuala yang agak berlumpur. Ini mungkin disebabkan tabiat pemakanannya yang menyukai ikan dari kumpulan duri dan semilang.

Terdapat banyak populasi lumba-lumba Irrawaddy spesies di kuala sungai di Sabah dan Sarawak. Melalui tinjauan dan kajian yang dijalankan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sepanjang perairan pesisiran, lumba-lumba Irrawaddy boleh dijumpai di Teluk Cowie, Tawau; Teluk Darvel, Lahad Datu; Kuala Kinabatangan, Kinabatangan; Teluk Sandakan, Teluk Labuk, Kuala Beluran dan Teluk Paitan di Beluran serta Teluk Marudu di Kudat dan Teluk Brunei di Sipitang, Sabah.

Di Sarawak, mamalia marin ini mendiami kawasan Tanjung Datu, Sematan, Santubong, Bako, Tanjung Po, Muara Tebas, Batang Lupar, Batang Saribas, Batang Rajang, Batang Lassa, Batang Igan, Similajau, Baram, Limbang dan Lawas.

Lumba-lumba ini juga dijumpai di kawasan Muara, Brunei Darussalam.

Lumba-lumba Irrawaddy belum pernah direkodkan di laut lepas melebihi lima batu nautika dari pantai. Oleh itu, ia dijangka tidak berhijrah melintasi laut, seperti dari Sabah atau Sarawak ke Semenanjung atau Filipina.

Ia menetap di sesuatu kawasan, seperti populasi di Teluk Cowie, Tawau dan Sungai Rajang, Sibu yang sering dipantau atau lapangan kaji penyelidik institusi pengajian tinggi awam (IPTA) termasuk UMS.

Bagaimanapun, disebabkan kepadatannya tidak tetap dan lumba-lumba ini boleh dijumpai di kebanyakan kuala sungai utama dan teluk di Borneo (Sabah, Sarawak, Brunei dan Kalimantan), kemungkinan ia kadang kala berhijrah ke kawasan lain di pesisiran pantai.

Pensyarah Jabatan Sains Perikanan dan Akuakultur, Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Saifullah Arifin Jaaman, berkata taburan dan kepadatan lumba-lumba Irrawaddy di sesuatu kawasan sangat dipengaruhi oleh pasang surut, kehadiran makanan

dan musim hujan atau kering (monsun).

Beliau yang juga bekas penyelidik di Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah berkata, haiwan ini biasanya berenang ke dalam sungai terutama ke kawasan hutan bakau mencari makanan apabila air pasang dan keluar apabila air surut.

Katanya, ada juga sesetengah kumpulan yang keluar seurus sebelum air surut dan menunggu di kuala sungai untuk menangkap ikan (makanan) yang keluar ketika air surut.

“Di Batang Rajang, lumba-lumba Irrawaddy dijumpai jauh ke sungai iaitu lebih 40 kilometer di persimpangan di antara Batang Rajang-Batang Igan berhampiran Sibu.

“Kemasinan air di tempat itu adalah kurang daripada lima perseribu (ppt) dan airnya keruh. Apabila musim hujan, sungai melimpahkan air tawar dan lumba-lumba Irrawaddy jarang memasuki sungai. Ia lebih suka berada di teluk atau laut,” katanya.

Saifullah berkata, lumba-lumba adalah mamalia dan bukan ‘ikan’, oleh itu, sepatutnya ia hanya disebut atau diterbitkan dalam media atau sebarang bentuk penerbitan sebagai ‘lumba-lumba’ tanpa perkataan ‘ikan’ di hadapannya.

Di kawasan yang banyak aktiviti pukak tunda di pesisiran pantai, lumba-lumba Irrawaddy suka berenang di belakang pukak untuk menangkap ikan yang terlepas.


Lumba-lumba akan menghampiri bot apabila pukak diangkat dan ikan diasingkan. Sesetengah nelayan di Teluk Cowie dan kawasan lain di Sabah memberi ikan semilang, timah dan puput yang tidak dikehendaki kepada lumba-lumba yang datang menghampiri bot mereka.

Mamalia itu juga mencari makanan dan bersosial. Sesetengahnya dikatakan mencari pasangan dari kumpulan lumba-lumba lain di kawasan sama atau kawasan lain untuk pembiakan.

INFO

■ Lumba-lumba adalah haiwan mamalia kerana tidak memiliki insang seperti dugong dan paus. Oleh itu, ia hanya disebut sebagai ‘lumba-lumba’ tanpa perkataan ‘ikan’ di hadapannya.

■ Lumba-lumba Irrawaddy jarang terpukat kerana ia bijak mengesan dan mengelak pukak walaupun air keruh, kecuali dalam beberapa kes di mana ia sangat aktif mengejar ikan. Secara amnya, nelayan bersedia melepaskan lumba-lumba yang tersangkut di pukak, sekiranya masih hidup.



LUMBA-LUMBA Irrawaddy mendiami kawasan kuala sungai dan teluk.